

KM P. Pinang: Gerakan lega kenyataan PM

UM 23 JUN 2003
KUALA LUMPUR 21 Jun — Para Gerakan hari ini menarik nafas lega di atas kepercayaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mahu jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang dikekalkan kepada parti berkenaan.

Presidennya, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, pihaknya mengalu-alukan kenyataan Dr. Mahathir sambil menyifatkan iawatan Ketua Menteri Pulau Pinang itu “sebagai formula perkongsian kuasa Barisan Nasional (BN).

“Gerakan menyambut baik kenyataan dan penjelasan Perdana Menteri mengenai isu jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang dan kami menghargai kepercayaan beliau sebagai Pengerusi BN.

“Ia sememangnya satu formula berkongsi kuasa dalam BN sebagai satu persefahaman sejak dahulu lagi,” ujarnya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan jawatankuasa pusat parti berkenaan di sini hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon yang juga Naib Presiden Gerakan.

Keng Yaik berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam mengenai jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang yang tetap kekal di tangan Parti Gerakan walaupun ada desakan supaya jawatan tersebut diserahkan kepada UMNO jika mahu memastikan nasib orang Melayu di negeri itu terblgla.

Dr. Mahathir menegaskan, langkah mengatasi masalah kemunduran orang Melayu tidak boleh diselesaikan dengan menukarkan kepimpinan daripada kaum Cina kepada Melayu.